



PUSAT PENGAJIAN  
SAINS KEMASYARAKATAN  
*School of Social Sciences*

# **SARJANA MUDA KERJA SOSIAL (KEPUJIAN)**

## **SIDANG AKADEMIK 2023/2024**

# BUTIRAN PERIBADI

Nama Pelajar : \_\_\_\_\_

Kemasukan Sidang Akademik : \_\_\_\_\_

No. Matrik : \_\_\_\_\_

Major : \_\_\_\_\_

Penasihat Akademik : \_\_\_\_\_

# PENGENALAN

Program Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial mula diluluskan oleh Universiti Sains Malaysia pada tahun 2010 untuk penawaran bermula Sidang Akademik 2011/2012. Sebelum ini program Kerja Sosial yang telah ditawarkan sejak tahun 1975 merupakan salah satu pengkhususan major di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Program ini kemudiannya telah dinaik taraf kepada Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial berdasarkan kepada keperluan semasa bidang tersebut selaras dengan arus pembangunan negara.

Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial menyediakan satu rancangan pendidikan kerja sosial yang bersifat generik ke arah menghasilkan graduan-graduan yang terlatih dalam bidang perkhidmatan khidmat manusia mengikut kehendak semasa. Selain itu, ia turut memberi peluang kepada pegawai-pegawai perkhidmatan organisasi khidmat manusia kerajaan dan bukan kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan serta kemahiran ke arah memberikan perkhidmatan khidmat manusia yang lebih cekap kepada kumpulan sasar dan masyarakat keseluruhannya.

Program Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial ini dilihat dapat memenuhi keperluan tenaga manusia supaya responsif terhadap pelbagai masalah sosial dalam konteks masyarakat penyayang. Program ini juga turut berupaya melahirkan graduan kerja sosial yang mempunyai motivasi, kecekapan dan komitmen dalam praktis kerja sosial.

Penumpuan terhadap kursus elektif dalam pelbagai bidang dilihat dapat menggalakkan praktis kerja sosial yang lebih menyeluruh dan sekaligus responsif terhadap perubahan sosial semasa dalam masyarakat. Matlamat program ini adalah untuk melahirkan lebih ramai graduan kerja sosial yang terlatih dan profesional bagi memenuhi keperluan badan-badan kerajaan, bukan kerajaan, industri dan sektor swasta.

# OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM

1. Memenuhi keperluan manusia untuk responsif terhadap pelbagai masalah sosial dalam konteks masyarakat penyayang.
2. Melahirkan graduan kerja sosial yang mempunyai motivasi, kecekapan dan komitmen dalam praktis kerja sosial.
3. Memperluas dan meningkatkan pengetahuan pelajar sambil membekalkan pelajar dengan kemahiran untuk melakukan perkhidmatan sosial.
4. Menyediakan lulusan kerja sosial yang lebih terlatih dan profesional untuk memenuhi keperluan kerajaan, sektor kerajaan, industri dan swasta.
5. Menawarkan kursus elektif dalam pelbagai bidang untuk mendorong praktis kerja sosial tertentu dan responsif terhadap perubahan sosial semasa dalam masyarakat.
6. Meningkatkan penyelidikan yang dapat memperluas pengetahuan kerja sosial dan membantu negara dalam menggubal dasar perkhidmatan sosial.

# HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

## HPP 1

Memenuhi keperluan manusia untuk responsif terhadap pelbagai masalah sosial dalam konteks masyarakat penyayang.

## HPP 2

Melahirkan graduan kerja sosial yang mempunyai motivasi, kecekapan dan komitmen dalam praktis kerja sosial.

## HPP 3

Membentuk kemahiran berfikir secara saintifik dalam memberikan proses intervensi kerja sosial yang berkesan.

## HPP 4

Mempamerkan pelbagai kemahiran berkomunikasi yang dipelajari dalam proses intervensi yang berkesan.

## HPP 7

Mengamalkan pelbagai kemahiran personal dalam pelaksanaan proses intervensi kerja sosial serta menyumbang ke arah pembelajaran sepanjang hayat.

## HPP 6

Mengamalkan etika dan nilai profesionalisme dalam pelaksanaan perkhidmatan kerja sosial dengan pelbagai kumpulan sasaran.

## HPP 5

Melaksanakan tugas secara berpasukan ke arah penyelesaian masalah.

## HPP 8

Mengorganisasi pelbagai sumber dalam melaksanakan aktiviti berbentuk keusahawanan ke arah peningkatan kefungsian sosial mengikut kumpulan sasaran.

## HPP 9

Mempamerkan ciri-ciri kepimpinan dalam melaksanakan proses intervensi kerja sosial dengan pelbagai kumpulan sasaran.

## HPP 10

Mengaplikasikan penggunaan teknologi berkaitan bagi tujuan penyelidikan bidang kerja sosial.

## HPP 11

Menganalisis data secara efisien bagi tujuan penyelidikan dan praktis bidang kerja sosial.

# SYARAT PENGIJAZAHAN

## • PNGK

2.00 dan ke atas

## • PNGK – AT

2.00 dan ke atas untuk Kursus Teras (T)

## • KEPERLUAN KURSUS DALAM BAHASA INGGERIS

Mengambil minima **3 kursus** yang ditawarkan dalam Bahasa Inggeris (selain kursus Bahasa Inggeris yang ditawarkan di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan)

## • KEPERLUAN KOMPONEN

Pelajar **WAJIB** melengkapkan semua komponen kursus berikut:  
Kursus Teras (T)  
Kursus Elektif (E)  
Kursus Universiti (U)

## • KEPERLUAN UNIVERSITI

**WAJIB** lulus sekurang-kurangnya Gred C :

### PELAJAR TEMPATAN

- HFE224 Penghayatan Etika dan Peradaban
- HFF225 Falsafah dan Isu Semasa
- LKM400 Bahasa Malaysia IV
- LSP300 Bahasa Inggeris Akademik
- LSP401 Bahasa Inggeris Am
- WUS101 Teras Keusahawanan
- WAR122 Integriti dan Anti-Rasuah
- Kokurikulum minimum 2 kredit
- \*Kursus opsyen Kursus Kemahiran

### PELAJAR ANTARABANGSA

- SEA205E Malaysian Studies
- Kursus-kursus Bahasa Malaysia
- Kursus-kursus Bahasa Inggeris
- Kokurikulum minimum 2 kredit
- \*Kursus opsyen Kursus Kemahiran

### NOTA :

\*Tiada keperluan lulus minimum C



**KEPERLUAN KREDIT**

**122 KREDIT**



## KURSUS UNIVERSITI (U)

15-22 KREDIT

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JUMLAH UNIT	GRED	SENARAI SEMAK (✓)
LKM400	BAHASA MALAYSIA IV	2		
LSP300	BAHASA INGGERIS AKADEMIK	2		
LSP401	BAHASA INGGERIS AM	2		
HFE224	PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN	2		
HFF225	FALSAFAH DAN ISU SEMASA	2		
WUS101	TERAS KEUSAHAWANAN	2		
WAR122	INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH	2		
	KOKURIKULUM	2		
	KOKURIKULUM/KURSUS KEMAHIRAN/OPSYEN	(1-8)		
	<b>JUMLAH</b>			

## KURSUS TERAS SAINS KEMASYARAKATAN (T)

16 KREDIT

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JUMLAH UNIT	GRED	SENARAI SEMAK (✓)
SKW105	PENGANTAR SAINS POLITIK	3		
SKW110	PENGANTAR ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI	3		
SKW123	STATISTIK UNTUK SAINS SOSIAL	3		
SKW321	FALSAFAH SAINS SOSIAL	3		
STU231	ASAS-ASAS PSIKOLOGI	4		
	<b>JUMLAH</b>			



## KURSUS TERAS KERJA SOSIAL (T)

### 70 KREDIT

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JUMLAH UNIT	GRED	SENARAI SEMAK (√)
SSW110	PENGANTAR KERJA SOSIAL	3		
SSW111	FALSAFAH, NILAI DAN ETIKA KERJA SOSIAL	3		
SSW112	KEMAHIRAN ASAS KERJA SOSIAL (MAKMAL)	4		
SSW113	TINGKAHLAKU MANUSIA DAN PERSEKITARAN SOSIAL	3		
SSW200	KAEDAH KERJA KES DENGAN INDIVIDU DAN KELUARGA	4		
SSW211	TEORI-TEORI DALAM PRAKTIS KERJA SOSIAL	3		
SSW221	KAEDAH KERJA KUMPULAN	4		
SSW223	UNDANG-UNDANG UNTUK PEKERJA SOSIAL	3		
SSW224	PRAKTIKUM I	6		
SSW310	PRAKTIS KERJA SOSIAL DI SEKOLAH	3		
SSW312	KAEDAH KERJA KOMUNITI	4		
SSW313	PRAKTIKUM II	6		
SSW322E	DASAR DAN PERANCANGAN SOSIAL	3		
SSW352	PENYELIDIKAN KERJA SOSIAL	4		
SSW410	KERJA SOSIAL ANTARABANGSA DAN SILANG BUDAYA	4		
SSW411E	ORGANISASI DAN PENTADBIRAN KHIDMAT MANUSIA	3		
SSW412	PRAKTIKUM III	6		
SSW413E	SEMINAR KERJA SOSIAL	4		
<b>JUMLAH</b>				

## KURSUS ELEKTIF (E) 21 KREDIT

KOD KURSUS	NAMA KURSUS	JUMLAH UNIT	GRED	SENARAI SEMAK (√)
SSE373	KERJA SOSIAL PERUBATAN	3		
SSE374	KERJA SOSIAL DENGAN KANAK-KANAK, REMAJA DAN KELUARGA	3		
SSE375	PEMBANGUNAN DAN PENGELOLAAN KOMUNITI	3		
SSE384	KEROHANIAN DAN KERJA SOSIAL	3		
SSE394	SEKSUALITI MANUSIA DAN INTERVENSI KERJA SOSIAL	3		
SSE396	KERJA SOSIAL FORENSIK	3		
SSE463	TERAPI KELUARGA	3		
SSE464	PRAKTIS KERJA SOSIAL DENGAN WARGA TUA	3		
STU244	PSIKOLOGI TAK NORMAL (SILANG SENARAI)	4		
STU245	PSIKOLOGI POSITIF	4		
<b>JUMLAH</b>				



# **CADANGAN PENDAFTARAN KERJA SOSIAL**

## TAHUN SATU

KOMPONEN	TAHUN SATU	
	SEMESTER 1 KURSUS	SEMESTER 2 KURSUS
Kursus Universiti (Kod: U)	LKM400/2 Bahasa Malaysia IV LMT100/2 Bahasa Inggeris Persediaan	WUS101/2 Teras Keusahawanan WAR122/2 Integriti dan Anti-Rasuah
Kursus Teras Asas (Kod: T)	SKW105/3 Pengantar Sains Politik SKW110/3 Pengantar Antropologi dan Sosiologi STU231/4 Asas-Asas Psikologi	SKW123/3 Statistik untuk Sains Sosial
Kursus Teras Major (Kod: T)		SSW110/3 Pengantar Kerja Sosial SSW111/3 Falsafah, Nilai & Etika Kerja Sosial  SSW112/4 Kemahiran Asas Kerja Sosial (Makmal) SSW113/3 Tingkhilaku Manusia dan Persekitaran Sosial
Kursus Elektif (Kod: E)		

## TAHUN DUA

KOMPONEN	TAHUN DUA	
	SEMESTER 3 KURSUS	SEMESTER 4 KURSUS
Kursus Universiti (Kod: U)	LSP300/2 Bahasa Inggeris Akademik HFF225/2 Falsafah dan Isu Semasa	HFE224/3 Penghayatan Etika dan Peradaban
Kursus Teras Asas (Kod: T)		
Kursus Teras Major (Kod: T)	SSW200/4 Kaedah Kerja Kes Individu dan Keluarga SSW211/3 Teori-Teori dalam Praktis Kerja Sosial SSW221/4 Kaedah Kerja Kumpulan	SSW223/3 Undang-Undang untuk Pekerja Sosial SSW224/6 Praktikum I
Kursus Elektif (Kod: E)		SSE374/3* Kerja Sosial dengan Kanak- Kanak, Remaja dan Keluarga

TAHUN TIGA		
KOMPONEN	SEMESTER 5	SEMESTER 6
	KURSUS	KURSUS
Kursus Universiti (Kod: U)		LSP401/2 Bahasa Inggeris Am
Kursus Teras Asas (Kod: T)	SKW321 Falsafah Sains Sosial	
Kursus Teras Major (Kod: T)	SSW310/3 Praktis Kerja Sosial di Sekolah	SSW322E/3 Dasar dan Perancangan Sosial
	SSW312/4 Kaedah Kerja Komuniti	SSW352/4 Penyelidikan Kerja Sosial
	SW313/6 Praktikum II	
Kursus Elektif (Kod: E)	SSE375/3* Pembangunan dan Pengelolaan Komuniti	SSE384/3 Kerohanian dan Kerja Sosial
	SSE396/3* Kerja Sosial Forensik	STU245/4* Psikologi Positif

KOMPONEN	TAHUN EMPAT	
	SEMESTER 7	SEMESTER 8
	KURSUS	KURSUS
Kursus Universiti (Kod: U)		Ko-Kurikulum/ Opsyen (1-2 unit)
Kursus Teras Asas (Kod: T)		
Kursus Teras Major (Kod: T)	SSW410/4 Kerja Sosial Antarabangsa dan Silang Budaya SSW411E/3 Organisasi dan Pentadbiran Khidmat Manusia SSW412/6 Praktikum III	SSW413E/4 Seminar Kerja Sosial
Kursus Elektif (Kod: E)	SSE373/3** Kerja Sosial Perubahan SSE464/3** Praktis Kerja Sosial dengan Warga Tua SSE394/3* Seksualiti Manusia dan Intervensi Kerja Sosial	STU244/4 Psikologi Tak Normal (silang senarai) SSE463/3 Terapi Keluarga

### NOTA:

- \* Kursus Elektif : Pilih salah satu kursus
- \*\* Kursus Elektif : Pilih dua kursus

# PRAKTIKUM KERJA SOSIAL

1

Komponen Praktikum merupakan komponen teras penting dalam bidang Kerja Sosial. Praktikum adalah proses interaksi terbimbing di antara pelajar dan situasi kehidupan yang sebenar. Situasi tersebut melibatkan isu-isu yang memerlukan tindakan sosial bagi membolehkan pembangunan manusia dan persekitaran. Oleh itu, praktikum merupakan latihan amali yang bersifat pengajaran-pembelajaran.

2

Latihan praktikum adalah komponen utama dalam disiplin kerja sosial yang disyaratkan oleh badan antarabangsa iaitu International Association of Schools of Social Work (IASSW).

3

Struktur praktikum yang ditawarkan dalam program Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial, USM adalah mengikut panduan piawaian IASSW yang telah diterima secara sejagat.

# SYARAT UTAMA

Pelajar Kerja Sosial **tidak perlu** mengambil MINOR.

Pelajar yang dipilih melalui pengambilan khas daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan dikehendaki mematuhi semua keperluan program dan Universiti.

Kursus-kursus daripada kurikulum Program Sarjana Muda Kerja Sosial tidak boleh diganti kecuali dengan kelulusan Bahagian.

Semua kursus praktikum adalah WAJIB. Prasyarat untuk Praktikum I, II dan III ialah kursus SSW112 Kemahiran Asas Kerja Sosial (Makmal). **Praktikum I** dijalankan semasa cuti antara Semester 3 dan Semester 4 berjalan. **Praktikum II** pula dijalankan semasa cuti panjang antara Tahun 2 dan Tahun 3. **Praktikum III** dijalankan semasa cuti panjang antara Tahun 3 dan Tahun 4. Pelajar **WAJIB LULUS Praktikum I** sebelum melangkah ke peringkat yang seterusnya.

## OBJEKTIF

- Menawarkan pengalaman pembelajaran yang khusus dengan bimbingan penyelia/pengajar demi perkembangan profesional dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap.
- Membentuk sikap yang dapat membantu perkembangan diri profesional, meningkatkan kesedaran tentang limitasi dan keupayaan pelajar serta menghargai diri sendiri.
- Menolong pelajar mengecam dan memahami situasi sosial yang memerlukan intervensi profesional.
- Membolehkan pelajar melaksanakan rancangan intervensi berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi.

## STRUKTUR

- Pelajar dikehendaki mengikuti latihan amali wajib yang dijalankan sebanyak tiga (3) siri praktikum, yang setiap satu latihan praktikum membawa jumlah 6 unit pembelajaran.
- Ketiga-tiga siri ini memperkenalkan pelajar beberapa kemahiran dalam kaedah dan teknik praktik kerja sosial. Pelajar juga diselia dan berpeluang untuk mengaitkan pengetahuan teoritis dan praktis dengan lebih kritis dalam keadaan yang sebenarnya. Penyeliaan tersebut juga mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh IASSW.



# SIRI PRAKTIKUM

## PRAKTIKUM I & PRAKTIKUM II (BLOK)

- Tempoh masa ialah 30 hari selama 8 jam sehari untuk kedua-dua praktikum.
- Tempat praktikum ialah di agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO).
- Pelajar wajib menulis rakaman harian (proses rakaman intervensi) setiap hari dan menyediakan laporan akhir.
- Setiap pelajar diselia oleh seorang pensyarah dan penyelia agensi.
- Praktikum ini memberi latihan kemahiran yang diperlukan dalam proses menolong di agensi perkhidmatan sosial dan komuniti.
- Pelajar diberi pendedahan kepada dasar perancangan, pentadbiran dan pelaksanaan perkhidmatan.
- Praktikum I : Dijalankan semasa cuti Semester 3 dan Semester 4.
- Praktikum II : Dijalankan semasa cuti panjang Tahun 2 dan Tahun 3.
- Jumlah jam praktikum I dan II ialah 480 jam (Praktikum I : 240 jam dan Praktikum II : 240 jam).

## PRAKTIKUM III (BLOK)

- Tempoh masa ialah 60 hari termasuk hari Sabtu dan Ahad selama 8 minggu.
- Tempat praktikum adalah dalam komuniti.
- Pelajar wajib tinggal dalam komuniti yang terpilih dan melaksanakan perkhidmatan sebagai pekerja komuniti berlandaskan teori-teori kerja komuniti yang telah dipelajari.
- Pelajar wajib menulis rekod kerja harian, laporan separuh penggal, laporan akhir dan menghadiri sesi viva.
- Pelajar diselia oleh seorang pensyarah dan penyelia agensi.
- Praktikum ini akan memberi peluang kepada pelajar mengaplikasikan teori yang dipelajari kepada situasi sebenar.
- Dijalankan semasa cuti panjang Tahun 3 dan Tahun 4.
- Jumlah jam Praktikum III ialah 480 jam.

**Jumlah keseluruhan jam untuk ketiga-tiga latihan praktikum adalah sebanyak 960 jam. Jumlah ini adalah mengikut garis panduan IASSW yang memerlukan latihan praktikum di peringkat Ijazah Sarjana Muda di antara 900 – 1000 jam.**

# PENGIRAAN PNG & PNGK

## SISTEM PURATA NILAI GRED

GRED ABJAD	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	D-	F
NILAI GRED	4.00	3.67	3.33	3.00	2.67	2.33	2.00	1.67	1.33	1.00	0.67	0

Pelajar yang mendapat gred 'C-' dan ke bawah bagi sesuatu kursus boleh memperbaiki gred dengan mengulangi kursus itu semasa KSCP (lihat di bawah) atau pada semester biasa. Pelajar yang mendapat gred 'C' dan ke atas bagi sesuatu kursus tidak dibenarkan mengulangi kursus berkenaan sama ada semasa KSCP atau semester biasa.

Pencapaian dalam sesuatu semester dikira berdasarkan purata nilai gred (PNG) yang diperolehi daripada semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut. PNG ialah ukuran untuk menentukan pencapaian taraf akademik pelajar bagi sesuatu semester.

PNGK ialah purata nilai gred kumulatif yang dikumpulkan oleh pelajar dari satu semester ke satu semester pengajiannya. Rumusan untuk mengira PNG dan PNGK ialah:

$$\text{Purata Nilai Gred} = \frac{\sum_{i=1}^n U_i M_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

$$\frac{\sum_{i=1}^n U_i M_i}{\sum_{i=1}^n U_i}$$

### NOTA:

**N** = Bilangan kursus yang diambil

**U<sub>i</sub>** = Unit kursus bagi kursus i

**M<sub>i</sub>** = Mata penilaian gred bagi kursus i

# PENGIRAAN PNG & PNGK

## CONTOH PENGIRAAN

	KURSUS	UNIT	NILAI GRED (NG)	GRED (G)	JUMLAH (NG)
Semester I	ABC XX1	4	3.00	B	12.00
	ABC XX2	4	2.33	C+	9.32
	BCD XX3	3	1.67	C-	5.01
	CDE XX4	4	2.00	C	8.00
	EFG XX5	3	1.33	D+	3.99
	EFG XX6	2	2.67	B-	5.34
		20			43.66

$$\text{PNG} = \frac{43.66}{20} = 2.18$$

	KURSUS	UNIT	NILAI GRED (NG)	GRED (G)	JUMLAH (NG)
Semester II	ABC XX7	3	1.00	D	3.00
	ABB XX8	4	2.33	C+	9.32
	BBC XX9	4	2.00	C	8.00
	BCB X10	4	2.67	B-	10.68
	XYZ XX1	3	3.33	B+	9.99
		18			40.99

$$\text{PNG} = \frac{40.99}{18} = 2.28$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah NG Terkumpul}}{\text{Jumlah Bil. Unit Terkumpul}} = \frac{43.66 + 40.99}{20 + 18} = \frac{84.65}{38} = 2.23$$


Contoh di atas menunjukkan PNGK dikira sebagai jumlah nilai gred terkumpul bagi semua kursus yang diambil, dibahagi dengan jumlah bilangan unit yang didaftarkan.

# ANUGERAH SIJIL DEKAN

**PNG 3.50**



**MINIMUM  
14 KREDIT**



**PENGIKTIRAFAN  
KECEMERLANGAN  
AKADEMIK  
PELAJAR**



**DIANUGERAHKAN  
PADA SETIAP  
SEMESTER**



# TAKRIFAN JENIS KURSUS

## Kursus Teras (T)

Kursus teras dalam Program Sarjana Muda Kerja Sosial terdiri daripada Kursus Teras Sains Kemasyarakatan dan Kursus Teras Kerja Sosial.

## Kursus Opsyen (U)

Kursus opsyen ialah kursus-kursus di luar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan. Kursus opsyen diambil bagi menggantikan kursus-kursus Ko-Kurikulum dan kursus-kursus kemahiran.

## Kursus Elektif (E)

Kursus elektif ialah kursus-kursus yang ditawarkan dalam pakej penawaran kursus Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial.

## Kursus Audit (Y)

Secara prinsip, pihak universiti membenarkan pelajar mendaftar kursus-kursus secara audit bagi menambah pengetahuan mereka. Namun begitu, unit untuk kursus-kursus audit tidak diambil kira untuk tujuan pengijazahan.

## Kursus yang ditawarkan dalam Bahasa Inggeris

Kursus yang mempunyai huruf E dalam kod kursus ialah kursus yang ditawarkan dalam Bahasa Inggeris. Pelajar **WAJIB** melengkapkan 3 kursus Teras Kerja Sosial (SSW322E Dasar dan Perancangan Sosial, SSW411E Organisasi dan Pentadbiran Khidmat Manusia dan SSW413E Seminar Kerja Sosial) yang ditawarkan dalam Bahasa Inggeris.

## Kursus Prasyarat

Kursus prasyarat ialah kursus yang perlu diambil sebelum kursus peringkat seterusnya diambil. Dalam Program Sarjana Muda Kerja Sosial, terdapat kursus yang memerlukan pelajar mengambil kursus prasyarat sebelum boleh mengambil kursus yang seterusnya. Pelajar **WAJIB** mengambil dan lulus kursus SSW112 Kemahiran Asas Kerja Sosial (Makmal) sebelum mengambil kursus SSW224 Praktikum I.

Maklumat penuh sistem akademik boleh didapati dalam Buku Panduan Rancangan Pengajian (BPRP) yang dimuatnaik dalam laman web rasmi Bahagian Akademik & Antarabangsa (BAA) melalui pautan berikut :

<https://baa.usm.my/>



JENIS KURSUS	TAHUN 1		TAHUN 2		TAHUN 3		TAHUN 4	
	SEM 1	SEM 2	SEM 3	SEM 4	SEM 5	SEM 6	SEM 7	SEM 8
<b>TERAS (KOD : T)</b> <b>(86 kredit)</b>								
<b>(i) Sains Kemasyarakatan</b> <b>(16 kredit)</b>								
SKW105/3								
SKW110/3								
SKW123/3								
SKW321/3								
STU231/4								
<b>(ii) Teras Program</b> <b>(70 kredit)</b>								
SSW110/3								
SSW111/3								
SSW112/4								
SSW113/3								
SSW200/4								
SSW211/3								
SSW221/4								
SSW223/3								
SSW224/6								
SSW310/3								
SSW312/4								
SSW313/6								
SSW322E/3								
SSW352/4								
SSW410/4								
SSW411E/3								
SSW412/6								
SSW413E/4								

**IJAZAH SARJANA MUDA  
KERJA SOSIAL  
(KEPUJIAN)**

**Nama :**

**No. Matrik :**

**Nama Penasihat Akademik :**





# CATATAN

★ ALL the BEST!!!



A+





PUSAT PENGAJIAN  
SAINS KEMASYARAKATAN  
*School of Social Sciences*

**PUSAT PENGAJIAN SAINS KEMASYARAKATAN  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
11800 USM PULAU PINANG, MALAYSIA**

**TEL : 04-653 3369 | FAKS : 04-657 0918**

**<http://www.soc.usm.my>  
E-mel : [ddsa\\_soc@usm.my](mailto:ddsa_soc@usm.my)  
Facebook : Socsc Usm**